

Rujukan : LPJ/IP/OPS/24JLD3(30)

NOTIS PELABUHAN BIL.02/2019


LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

Tarikh : 18 Mac 2019

Kepada : Pemilik Kapal, Agen Kapal, Operator Terminal,
Pembekal Bahan Bakar, dan Agensi Kerajaan Yang
Berkaitan

Perkara : Kawasan '*Bunker Hub*' di Had Pelabuhan Pasir
Gudang

Lembaga Pelabuhan Johor ingin memaklumkan kawasan penubuhan '*Bunker Hub*' di had Pelabuhan Pasir Gudang. '*Bunker Hub*' adalah bertujuan untuk memantau dan membantu operasi *bunker* untuk kapal pembekal dan kapal penerima minyak. Lokasi '*Bunker Hub*' ditetapkan pada titik-titik A,B,C, and D seperti pada carta laut dan jadual di bawah.



Sumber: WGS84 BA4042

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG)	: 07-253 4000 (TEL.)
	07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS)	: 07-507 1978 (TEL.)
	07-507 1976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA	: 02-6545 3230 (TEL.)
	02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB	: http://www.lpj.gov.my
	e-mail: admin@lpj.gov.my

Kawasan 'Bunker Hub' ialah seperti berikut:

Titik	Koordinat
A	Lat 01°21.20'N, Long 104° 17.50'E
B	Lat 01°20.30'N, Long 104° 17.60'E
C	Lat 01°20.60'N, Long 104° 19.28'E
D	Lat 01°21.20'N, Long 104° 18.40'E

Garis panduan 'Bunker Hub' seperti berikut:

1. 'Bunker Hub' merupakan kawasan operasi alternatif untuk operasi 'bunkering' yang terletak di had Pelabuhan Pasir Gudang dan hanya BERTUJUAN memudahkan operasi 'bunkering'.
2. Semua kapal 'bunker' hendaklah mempunyai lesen 'bunkering' dan kebenaran operasi daripada Lembaga Pelabuhan Johor.
3. Tiada hak eksklusif diberikan kepada mana-mana pihak untuk menjalankan operasi 'bunkering' di kawasan 'Bunker Hub'.
4. Semua kapal perlu melapor kepada VTMS LPJ melalui Johor Port Control VHF Saluran 11 bagi masuk dan keluar daripada had pelabuhan Pasir Gudang. Kapten kapal hendaklah bertanggungjawab dan menerima arahan daripada Johor Port Control melalui VHF Saluran 11.
5. Kapal tidak dibenarkan menggunakan 'auto-pilot' di kawasan 'Bunker Hub' dan perlu mengekalkan kelajuan selamat sepanjang masa.
6. Semua kapal hendaklah memasang 'Automatic Identification System' (AIS) dan memastikan AIS sentiasa dihidupkan.
7. Kapten kapal perlu mematuhi Undang-undang Kecil Pelabuhan, Akta-Akta, Peraturan, Ordinan Perkapalan dan Notis Pelabuhan and lain-lain Peraturan.

Sekian, terima kasih.

'PROFESSIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN'


MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor
razifahmad@lpj.gov.my